



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
16 MEI 2018 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |   |                                 |    |
|---|---------------------------------|----|
| - | Kualiti tar DBKL, MPAJ berbeza? | 23 |
|---|---------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**16 MEI 2018 (RABU)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kualiti tar DBKL, MPAJ berbeza?
Muka Surat	23

UTUSAN MALAYSIA • RABU 16 MEI 2018

**UTUSAN KOTA 23**

## Kualiti tar DBKL, MPAJ berbeza?

OLEH AMIRUL AAIMAN ANUAR  
kota@utusan.com.my

■ HULU KLANG 15 MEI

**M**EMANDU di AU4, Keramat, Hulu Klang, Selangor yang sempadan kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi dua perbezaan berbeza.

Melihat pada kualiti penyelenggaraan jalan khususnya pada kekelemaan turapan, banyak perkara yang boleh diberi perhatian oleh kedua-dua PBT berkenaan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Perbezaan pada kualiti turapan

dan cara membaik pulih jalan rosak membuktikan ada pihak yang melaksanakan kerja tanpa mengikut undang-undang atau spesifikasi yang ditetapkan.

Ini terbukti apabila ada kawasan yang tidak mempunyai masalah penyelenggaraan dan ada tempat yang masih dalam keadaan seperti 'tikus mambaki labu'.

Antara kawasan yang sering menjadi titik aduan penduduk adalah di Jalan AU4/1, Taman Sri Keramat Tengah yang mengalami kerosakan seperti jalan berlopak, lubang utiliti tidak diturap dengan baik sehingga membahayakan pengguna jalan raya.

LUBANG UTILITI UNDANG KECELAKAAN

TURAPAN pada permukaan lubang utiliti yang membahayakan pengguna jalan raya di Jalan AU4/1, Taman Sri Keramat Tengah, Ampang Jaya, Selangor.

JALAN TIDAK RATA

PERBEZAAN KUALITI TURAPAN MENYEBABKAN JALAN TIDAK RATA

**info** **JALAN ROSAK**

> Tanah mendap yang teruk di beberapa lokasi sepanjang taluan Jalan AU 4.  
> Rekaan jalan membentuk lubang serta lopak air berbahaya.  
> Kerja tamlan jalan oleh pihak penyelenggaraan utiliti tidak sempurna.

**REAKSI**

**TURAPAN TIDAK KEMAS UNDANG BAHAYA**

JUMLAH kenderaan terlebih mudat dan segera tori dan senjera pembinaan menyebabkan keadaan jalan raya di kawasan ini rosak semakin teruk dari hari ke hari. Keadaan yang sama juga berlaku kepada penduduk di kawasan penumbuhan dan pelajar sekolah." **RAHIMAH ISMAIL**  
Suri rumah

KEJADIAN tanah mendap kerap berlaku sehingga mengakibatkan rekaan dan lopak pada permukaan jalan. Ini boleh membahayakan terutama pada penunggang motosikal." **AZUAR DAHALAHN**  
Pengawal keselamatan

TIDAK dinafikan kualiti turapan antara dua PBT iaitu DBKL dan MPAJ jelas berbeza. Kami harap kerja kerja kontraktor yang terbabit dipantau sepenuhnya oleh kerajaan negeri." **WONG TUCK CHIN**  
Penjaja